

Headline	Antara wanita hebat di Malaysia		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Mar 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	6	ArticleSize	778 cm ²
AdValue	RM 16,494	PR Value	RM 49,481



Antara wanita hebat di Malaysia

DATUK SURINA SAAD

Umur: 58 tahun

Asal: Kangar, Perlis

Jawatan: Ketua Polis Perlis

Latar Belakang:

- Beliau menjadi wanita pertama yang dilantik sebagai Ketua Polis Perlis pada 3 September 2019, menggantikan Datuk Noor Mushar Mohd.
- Berpengalaman lebih 30 tahun dalam pasukan polis
- Pernah menjawat jawatan Ketua Penolong Pengarah E-5, Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Bukit Aman. Hampir 32 berkhidmat dalam pasukan keselamatan.
- Apabila pucuk pimpinan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi kepercayaan kepada anak jati Perlis itu menerajui negeri kelahirannya, ia umpama memberi dimensi baru dalam soal keselamatan dan hal ehwal ketenteraman awam di negeri itu.



ROHANA JUPRI

Umur: 58 tahun

Asal: Tanjong Karang, Selangor

Jawatan: Pengarah Kanan Materiel di Markas Tentera Laut dan Asisten Ketua Staf (AKS) J4 (Logistik) di National Task Force (NTF)

Latar Belakang:

- Menyertai TLDM pada 20 Disember 1984.
- Menjadi wanita pertama dinaikkan pangkat sebagai Laksamana Pertama pada 18 Disember lalu.
- Pemilihan Rohana membuktikan kemampuan serta kredibiliti wanita itu diiktiraf pengurusan tertinggi TLDM selain sebagai tanda penghargaan terhadap usaha dan kemampuannya selama 37 tahun berkhidmat.
- Antara jawatan penting yang pernah disandang beliau dalam TLDM ialah Pegawai Memerintah KD Sultan Abdul Aziz Shah, Pegawai Memerintah Depot Bantuan Barat, Pegawai Staf I Hal Ehwal Wanita ATM dan Pegawai Memerintah Depot Bekalan Amada Barat.



TAN SRI TENGKU MAIMUN TUAN MAT

Umur: 62 tahun

Asal: Kota Bharu, Kelantan

Jawatan: Ketua Hakim Negara

Latar Belakang:

- Dilantik pada 2 Mei 2019 menggantikan Tan Sri Richard Malanjum sebagai Ketua Hakim Negara pada 12 April lalu.
- Beliau merupakan lulusan Universiti Malaya memulakan kariernya sebagai pegawai undang-undang di Lembaga Pembangunan Kelantan Selatan (KESEDAR) pada 1982.
- Tengku Maimun turut memegang beberapa jawatan termasuk majistret, hakim mahkamah sesyen, peguam persekutuan dan penolong kanan pendaftar serta pegawai khas kepada bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah dan Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim.
- Beliau kemudian dinaikkan pangkat, menjadi Hakim Mahkamah Rayuan pada 2013 dan seterusnya dilantik menjadi hakim Mahkamah Persekutuan pada November tahun lepas.



RINA SARIF

Jawatan: Ketua Pegawai Modal Insan Lembaga Tabung Haji (TH)

Latar Belakang:

- Pelantikan beliau berkuat kuasa pada 3 Ogos 2020.
- Ketika memulakan tugas di TH, beliau berjaya menjenamakan semula Jabatan Sumber Manusia kepada Jabatan Modal Insan.
- Pernah merangkul anugerah Women in HR Leadership sempena majlis Malaysia Leadership Awards anjuran World HRD Congress ke 28 edisi 2020/2021.
- Pernah bertugas sebagai pengurus besar sumber manusia di Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pernah menjawat pelbagai jawatan kepimpinan di beberapa GLC dan syarikat multinasional.
- Beliau pernah mendapat pengiktirafan di peringkat global dan dianugerahkan 'Top 101 Most Influential Global HR Leader 2019' daripada World HRD Congress selain beberapa anugerah di peringkat Asia.
- Ahli Majlis Penasihat Industri Universiti Utara Malaysia.



Headline	Antara wanita hebat di Malaysia		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Mar 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	6	ArticleSize	778 cm ²
AdValue	RM 16,494	PR Value	RM 49,481

DATUK IR DR SITI HAMISAH TAPSIR

Jawatan: Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)



Latar Belakang:

- Beliau sebelum ini menyandang jawatan sebagai Ketua Pengarah di Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak Januari 2017.
- Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTA), Jabatan Pendidikan Tinggi, KPM pada tahun 2013 dan Timbalan Ketua Pengarah (IPTS) dari tahun 2009.
- Pernah berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mulai 2006 hingga 2009. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pensyarah di UTM pada tahun 1987.
- Beliau mempunyai kelulusan PhD dalam bidang Kejuruteraan Awam dari University of Leeds, United Kingdom, Sarjana Kejuruteraan Sains, Universiti of Lowell, Massachusetts, Amerika Syarikat dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari New England College, Amerika Syarikat.

DATUK DR HABIBAH ABDUL RAHIM

Umur: 58 tahun



Jawatan: Ketua Pengarah Pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia

Latar Belakang:

- Dilantik menjadi Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Sektor Dasar dan Kurikulum), Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Pengarah Eksekutif Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) dan pensyarah kanan di Institut Aminuddin Baki (IAB).
- Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Biologi dari University of Salford, United Kingdom pada 1984 dan meneruskan pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Pendidikan di University of Bristol, United Kingdom pada 1993.
- Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang pendidikan dari Stanford University, Amerika Syarikat pada 2001.
- Memulakan perkhidmatan dalam dunia pendidikan pada 1986 sebagai seorang guru di beberapa sekolah di Selangor dan Kedah sebelum menyambung perkhidmatan di pelbagai organisasi di KPM.

AIREEN OMAR

Umur: 48 tahun



Jawatan: Presiden AirAsia Group (AirAsia Digital), Presiden RedBeat Ventures Sdn Bhd

Latar Belakang:

- Merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Tune Protect Group Berhad.
- Pernah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Malaysia dari tahun 2012 hingga 2017. Kemudian sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (Digital, Transformasi dan Perkhidmatan Korporat) pada 2018.
- Beliau bergabung dengan AirAsia pada Januari 2006 sebagai Pengarah Kewangan Korporat, seterusnya portfolionya berkembang dengan cepat dan merangkumi fungsi jabatan-jabatan lain termasuk Perbendaharaan, Perolehan Minyak dan Perhubungan Pelabur.
- Peranan beliau penting dalam membentuk AirAsia menjadi salah satu syarikat penerbangan terkenal di seluruh dunia.
- Lulusan Ekonomi dari London School of Economics and Science dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti New York (NYU).

MARIAM BEVI BATCHA

Umur: 56 tahun



Jawatan: Ketua Pegawai Hal Ehwal Korporat Maxis Berhad

Latar Belakang:

- Beliau berpengalaman lebih dari 25 tahun dan sebelum bergabung dengan Maxis pada September 2010, beliau berkhidmat sebagai Naib Presiden, Kumpulan Komunikasi Korporat di Telekom Malaysia Berhad.
- Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Ketua Kumpulan Komunikasi Korporat dan Perhubungan Pelabur di Amanah Capital Partners Berhad dan kemudian memegang jawatan sebagai Pengurus Besar Kumpulan Komunikasi Korporat di United Engineers (Malaysia) Berhad / UEM World Berhad.
- Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam kursus Pentadbiran Institute of Technology (RMIT) di Melbourne, Australia dan Diploma Perhubungan Awam dari Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM).